

Pelajar antarabangsa tanam pokok bakau

BERBEKALKAN semangat serumpun, seramai 54 mahasiswa dari empat buah negara telah bekerjasama menanam pokok-pokok bakau sempena ASEAN Community Engagement Program (ACEP), di Pantai Kuala Ibus, Kuala Kedah.

Mereka terdiri daripada pelajar dari Kemboja, Filipina dan Indonesia yang menyertai program anjuran Persatuan Pelajar Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRMSA), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Menurut Pengarah Program, Asmat Ramli, program itu bertujuan mendedahkan peserta kepada adat dan budaya tempatan yang terdapat di Kedah.

“Program ini juga bagi meningkatkan kesedaran pelajar tempatan dan luar negara mengenai kepentingan menjaga dan menyayangi alam sekitar sejajar dengan tema ACEP, *Save Our Shores, Save Mangroves, Save The Earth*.

“Sebanyak 320 pokok bakau telah ditanam oleh 54 pelajar dan lima penyarah dalam masa dua jam hasil daripada semangat kerjasama untuk membantu menjaga alam sekitar,” katanya.

Seorang pelajar Sarjana Muda Komunikasi, Vivina Barbra Anak Many, 22, berkata, program penanaman anak pokok bakau adalah satu khidmat sosial dalam usaha memelihara ekosistem hutan paya bakau yang diancam kemusnahan.

Katanya, bakau berperanan sebagai benteng semulajadi menampan hempasan tsunami, selain mengurangkan angin kencang dari laut, manakala akarnya yang timbul memerangkap lumpur bagi mengelakkan hakisan.

Jelasnya, setelah mendapat taklimat daripada pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kedah mengenai kepentingan paya bakau dan tatacara penanaman, peserta dibekalkan dengan lima anak pokok untuk ditanam di kawasan yang pernah dilanda tsunami suatu ketika dulu.

“Rasa sebak bila melihat kawasan yang dahulunya sebuah perkampungan kini tinggal kosong seperti ‘padang jarak padang tekukur’ yang ada hanya kawasan selut,” kata anak kelahiran Kuching, Sarawak.

Seorang lagi pelajar dari Asian Institute of Cambodia, Mohammad Rabani berkata, usaha penanaman bakau itu telah mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan melindungi dan memelihara ekosistem hutan bakau.

“Melalui aktiviti ini barulah kami tahu teknik penanaman pokok bakau dan ia memberi satu pengalaman berharga selain dapat mengenali adat budaya masyarakat Malaysia,” jelasnya.

Selain aktiviti menanam pokok bakau, para peserta juga dibawa mengunjungi tempat-tempat menarik di Alor Setar seperti Muzium Padi Negeri Kedah dan Masjid Zahir yang dikenali kerana keunikan seni bina dan keindahannya.